

# SEKILAS-INFO

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko

BULETIN KUALITI, STRATEGI & RISIKO



Edisi Ke-4 | 16 April 2021 | Bil.39

## UNIMAS Kekal di Kedudukan 401 Dunia THE Emerging Economies University Rankings 2021



**Kota Samarahan** : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengekalkan kedudukannya di ranking 401 dunia dalam penarafan terkini *THE World University Rankings 2021 Emerging Economies*. Keputusan ini diumumkan oleh pihak *Times Higher Education* (THE) yang berpangkalan di London, United Kingdom pada 9 Mac 2021.

*THE Emerging Economies University Rankings 2021* merangkumi hanya institusi pengajian di negara-negara yang diklasifikasikan oleh Kumpulan FTSE Bursa Saham London atau London Stock Exchange's FTSE Group sebagai advanced emerging, secondary emerging atau frontier.

Secara keseluruhannya, terdapat 606 universiti berada dalam ranking *Emerging Economies* pada tahun 2021 berbanding 533 pada tahun 2020. Malaysia telah dikategorikan sebagai advanced emerging dan penarafan UNIMAS dibuat bersama-sama universiti yang layak dari Brazil, Czech Republic, Greece, Hungary, Mexico, South Africa, Taiwan, Thailand dan Turkey.

*THE Emerging Economies University Rankings* menggunakan tiga belas (13) petunjuk prestasi yang dikalibrasi dengan teliti untuk perbandingan yang paling komprehensif dan seimbang, yang dipercayai oleh para pelajar, akademik, pemimpin universiti, industri dan kerajaan.

Namun begitu, wajarnya dikalibrasi semula secara khusus untuk mencerminkan ciri-ciri *emerging economy universities*. Petunjuk prestasi telah diklasifikasikan kepada 5 bidang dengan wajaran masing-masing iaitu:

- ◆ *Teaching* (merangkumi persekitaran pembelajaran) : 30%
- ◆ *Research* (merangkumi jumlah, pendapatan dan reputasi) : 30%
- ◆ *Citations* (pengaruh penyelidikan) : 20%
- ◆ *International Outlook* (merangkumi staf, pelajar dan penyelidikan) : 10%
- ◆ *Industry Income* (merangkumi pemindahan pengetahuan) : 10%

SYABAS dan TAHNIAH kepada seluruh warga UNIMAS di atas penarafan ini.

## **Hands on Risk Register bantu Pengurus Risiko PTj**



**Kota Samarahan** : Unit Pengurusan Risiko, SQRC dari semasa ke semasa mengadakan sesi konsultasi pengurusan risiko kepada PTj yang memerlukan.

Terbaru, sesi *Hands on Risk Register* telah diadakan khusus atas permintaan pihak Fakulti Alam Bina (FAB) dan Fakulti Kejuruteraan pada 31 Mac dan 1 April 2021.

Khidmat konsultasi oleh Penolong Pendaftar Kanan, Pn

Dayang Zuliana Abg Abdul Rahman dan Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Pn Adeline Ann Lubi sememangnya banyak membantu para Pengurus Risiko PTj dalam memperhalusi dokumen risiko masing-masing.

*Hands on Risk Register* diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan khusus kepada Pengurus Risiko PTj berhubung Daftar Risiko dan Daftar Peluang.



## **Pelaksanaan Penghantaran Data THE WUR**

**Kota Samarahan** : UNIMAS melalui SQRC telah melaksanakan penghantaran data ke *THE Portal Hub* bagi tujuan penarafan (ranking) *Times Higher Education (THE) World University Ranking* pada 30 Mac 2021.

Perbincangan bagi memuktamadkan data-data yang perlu dihantar telah diadakan sebelum itu diperingkat

pengurusan SQRC dan seterusnya dibentang kepada YBhg Naib Canselor untuk perakuan.

Penilaian bagi penarafan pada kali ini dianggap mencabar bagi kebanyakan Universiti akibat pandemik Covid-19 yang melanda. Keputusan bagi THE WUR dijangka akan diumumkan pada September 2021.



## **Pengarah SQRC Sertai Bengkel Penyediaan Amalan Anti Rasuah**

**Damai** : Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Amalan Anti Rasuah pada 29-31 Mac 2021 bertempat di Damai Beach Resort. Pengarah SQRC, Prof Dr Tarmiji Masron turut dijemput untuk bersama dalam bengkel tersebut.

Fokus bengkel ialah berkaitan amalan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pejabat Bendahari dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

Taklimat berkaitan UNIMAS Ke Arah Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) turut disampaikan oleh Tuan Pendaftar, Hj Azlan Ramli.



## **Aktiviti Gotong Royong SQRC**

**Kota Samarahan** : Pihak SQRC telah mengambil inisiatif menjalankan aktiviti gotong-royong di ruang pejabatnya di Aras 3 Canselor. Ia telah dijalankan selama dua hari pada 6 dan 7 April 2021.

Aktiviti gotong-royong seperti ini dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan ruang pejabat dan stor sentiasa dalam keadaan kemas dan barang-barang terpakai seperti kertas, kotak dan sebagainya dapat dilupuskan.

Terima kasih kepada yang terlibat..!






## Sesi Libat Sama Bengkel Pelan Strategik FSGK

**Kuching** : Pihak FSGK telah menganjurkan Bengkel Pelan Strategik Fakulti pada 27 Mac 2021 bertempat di UCSI Hotel.

Timbalan Pengarah (Perancangan Strategik), Prof Madya Dr Lee Nung Kion telah dijemput mewakili SQRC bagi menyampaikan taklimat berkaitan penyediaan Pelan Strategik.



*Tahniah Atas Pelantikan*



**Dr Abdul Rahman bin Kram**

Ketua Strategi  
Fakulti Kejuruteraan

(1 Apr 2021-31 Mac 2023)

## SQRC Anjur Sesi Tazkirah Awal Ramadhan

**Kota Samarahan** : Bersempena dengan kedatangan bulan Ramadhan, Kelab Rekreasi SQRC telah mengambil inisiatif mengadakan sesi Tazkirah Awal Ramadhan bagi staf SQRC pada Jumaat, 9 April 2021.

Turut dijalankan di awal majlis ialah bacaan Yassin dan Tahlil yang dipimpin oleh Al-Fadhil Ustaz Arif bin Mat, Pembantu Hal Ehwal Islam, Pusat Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS).

Majlis ringkas dan penuh bermakna ini diharapkan akan memberi seribu rahmat sempena bulan Ramadhan yang bakal menjelma.



*Puan Norisa Mohamad Sahari*




*Tahniah*  
Penerima  
Anugerah  
Perkhidmatan  
Cemerlang  
(APC)  
2020

*Pn Dayang Mazina Awang Batu*



*Selamat Ulang Tahun Kelahiran  
Semoga Sentiasa Diberkati*




Tiada hari seindah Jumaat,  
Tiada kata seindah Zikir,  
Tiada ibadah seindah Solat dan  
Tiada bulan seindah Ramadhan

*Salam Ramadhan  
Al-Mubarak*

*Iktlas daripada*

Pusat Perancangan Strategik  
Pengurusan Kualiti dan Risiko



# Kalendar Aktiviti



## Mac 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Hands On Risk Register	Daftar Risiko	1/3/2021
2	Bengkel Penyelarasan Kerangka OBB	Persediaan Belanjawan 2022	4/3/2021
3	Mesyuarat Kualiti Data MyMoheS KPT	Bil.01/2021	10/3/2021
4	Mesyuarat JKPR	Bil.01/2021	25/3/2021
5	QS Asia University Ranking (AUR)	Data submission to QS hub	26/3/2021
6	THE World University Ranking (AUR)	Data submission to THE	30/3/2021

## April 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Tazkirah Awal Ramadan	Dalaman SQRC	9/4/2021
2	Bengkel Ranking & Rating	Dalaman SQRC	12/4/2021
3	Mesyuarat Ketua Strategi Fakulti	Bil.01/2021 Ke-4	21/4/2021
4	Proses Data MyMOHES	Modul Pelajar COD 30.4.2021	30/4/2021